

Nagpur, pusat India



Kota Nagpur (yang bermaksud “kota ular”) di pertengahan India mempunyai populasi lebih tiga juta orang. Nagpur terletak pada jalan pengangkutan utama utara-selatan dan timur-barat. Kota

ini berada di pusat geografi India. Sementara majoriti dari penduduknya adalah beragama Hindu, terdapat sebilangan kecil orang Muslim lebih kurang 7.1% (215,000). Pengikut-pengikut Yesus yang nominal adalah lebih kurang 5% walaupun orang-orang yang mengamalkan kepercayaan ini adalah kurang daripada bilangan tersebut. Di luar kawasan kota Nagpur, jumlah orang-orang percaya lebih kecil lagi, di kalangan orang-orang yang beragama Hindu, Muslim, penganut agama Buddha dan lain-lain. Parti politik yang memerintah mempunyai suatu agenda

yang jelas untuk mengekalkan India sebagai negara Hindu dan menolak pengaruh-pengaruh “asing dan barat”. Ini telah menyukarkan kehidupan pengikut-pengikut Yesus.

Tanggapan yang

salah: Terdapat satu tanggapan yang salah di rantau ini bahawa pengikut-pengikut Yesus memberi rasuah kepada orang-orang Muslim dan orang-orang Hindu yang tertindas untuk menerima Yesus sebagai balasan terhadap faedah-faedah material ataupun sosial Oleh



itu, tindakan dari orang-orang tempatan yang percaya dan dimotivasikan oleh kasih Yesus Kristus selalunya disalahfahamkan, menyebabkan adanya benteng-benteng untuk Berita Baik dan pemuridan. Biasanya, mereka yang telah menerima Kristus terdesak untuk kembali kepada agama Islam kerana pelbagai tekanan dari segi sosial, ekonomi, emosi bahkan juga fizikal. Namun, walaupun di dalam keadaan sukar ini, Yesus memanggil orang-orang Muslim dari Nagpur untuk datang kepadaNya.

Orang-orang Muslim secara lazim berbahasa Urdu dan Marathi manakala orang-orang Hindu dan agama lain berbahasa Hindi dan Marathi. Di antara 2004-2006, beberapa terjemahan baru yang menggunakan istilah-istilah “bergaya-Muslim” telah diterbitkan. Ia telah membantu orang-orang Muslim memahami, menerima dan menuruti firman Tuhan. Walaubagaimanapun, alkitab tidak diedarkan secara terbuka dan tidak mudah diperolehi oleh komuniti Muslim. Terdapat juga filem “Yesus” tetapi terdapat masalah-masalah pengedaran. Setahu

kami, tidak ada kumpulan orang percaya yang kerap menjangkau orang-orang Muslim di kota ini dengan Injil melalui cara yang terancang.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah untuk orang-orang tempatan yang percaya untuk memainkan peranan mereka sebagai seseorang yang mempunyai bahagian di dalam rancangan Tuhan untuk memberkati semua bangsa, suku dan bahasa (Kejadian*



22:18 dan Galatia 3:16,29)

- *Berdoa bagi pengedaran yang efektif untuk terjemahan-terjemahan baru alkitab ini.*
- *Berdoalah untuk orang-orang tempatan yang percaya dan yang mengalami penganiayaan disebabkan oleh prejudis dan salah faham.*
- *Berdoalah bagi orang-orang yang percaya untuk dilatih dengan*

cara-cara mengisytiharkan Mesias dengan hikmat dan pemahaman dalam komuniti Muslim.

Orang-orang Muslim tidak mempercayai...

Orang-orang Muslim mempercayai bahawa ia adalah mustahil untuk mengenal Tuhan seperti di dalam Yohanes 17:3. (Mereka hanya percaya bahawa mereka dapat tahu tentang Dia). Sebilangan kecil orang Muslim yang

digelar orang Sufi percaya akan kesatuan mistik dengan Tuhan. Walaubagaimanapun, kumpulan ini dianggap sebagai kumpulan yang menyeleweng oleh kebanyakan orang Muslim.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

